



Elak Pembaziran Tenaga Dengan Selimut Sesuai



Dr. Mohamad Fakri Zaky Jaafar ketika membentangkan penemuannya di Dewan Kuliah, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, UPM.

SERDANG, 3 Jun – Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Mohamad Fakri Zaky Jaafar mendedahkan jenis selimut tebal boleh menyebabkan pembaziran elektrik di bilik tidur yang menggunakan pendingin hawa.

“Selimut tebal jenis comforter berpotensi meningkatkan penggunaan pendingin hawa kerana ia tidak sesuai dengan cuaca di Malaysia. Penghuni memilih comforter menurut citarasa menyebabkan suhu pendingin hawa direndahkan hingga meningkatkan tenaga elektrik,” katanya.

Hasil kajiannya ke atas 38 buah rumah di sekitar Lembah Kelang mendapati beban penyejukan pendingin hawa meningkat 52% kerana comforter yang tebal menyebabkan suhu bilik diturunkan kepada 22.1 darjah celsius, iaitu 2.8 darjah lebih rendah daripada penghuni yang menggunakan selimut biasa iaitu 24.9 darjah celsius.



“Hasil kajian itu juga menunjukkan perubahan gaya hidup mempengaruhi keperluan tenaga seharian. Oleh itu pengiklan tidak harus mempengaruhi pengguna dengan dekorasi bilik tidur moden di negara beriklim panas lembap seperti Malaysia,” katanya yang juga pensyarah Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina (FRSB).

Syarahan awamnya itu merupakan kertas kerja yang dibentangkan pada persidangan antarabangsa ‘Adapting To Change: New Thinking on Comfort’ di Windsor United Kingdom pada April lalu.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Parimala Subramani 'wartawan pelatih' 03-89466014).